SAMPEL PERCUMA

Soalan Sebenar STPM 2020 Pengajian Am Semester 1

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

No. kad pengenalan: .....

No. pusat/angka giliran: .....

900/1(U1)
STPM 2019

900/1(U1) 2019

900/1 2020

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

STPM

PENGAJIAN AM

KERTAS 1 (ULANGAN 1) 2019 DAN KERTAS 1 2020

(Dua jam)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian A.*

Jawab **semua** *soalan dalam Bahagian B.*

Jawab **dua** *soalan sahaja dalam Bahagian C.*

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian B	
16	
17	
18	
19	
Bahagian C	
Jumlah	

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2019

Bahagian A [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Mengapakah Malaysia memerlukan sempadan sendiri?

I Mengawal pergerakan manusia dan barangan

II Memperluas sumber kekayaan negara

III Menguruskan pilihan raya umum

IV Menjamin keselamatan negara

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

2 Seorang pakar perubatan dari Britain yang telah bekerja di Malaysia selama 11 tahun boleh menjadi warganegara Malaysia setelah memenuhi beberapa syarat secara

A pendaftaran

B naturalisasi

C percantuman wilayah

D kuat kuasa undang-undang

3 Yang manakah bidang kuasa badan perundangan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan?

I Kabinet meluluskan undang-undang.

II Mahkamah membatalkan undang-undang.

III Parlimen membuat undang-undang dalam Senarai Persekutuan.

IV Dewan Undangan Negeri membuat undang-undang dalam Senarai Bersama.

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

4 Kebebasan badan kehakiman dipelihara untuk

A membatalkan undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan

B membina keyakinan terhadap sistem keadilan negara

C mempercepat perbicaraan kes-kes jenayah

D mengawal kualiti badan guaman negara

5 Setiap ahli Parlimen dilindungi oleh hak keistimewaan Parlimen dalam mana-mana Majlis Parlimen atau mana-mana jawatankuasa.

Yang manakah yang benar tentang pernyataan di atas?

A Ahli Parlimen bebas menyuarakan apa sahaja pendapat dalam Parlimen.

B Ahli Parlimen boleh mendedahkan rahsia kerajaan dalam Dewan Rakyat.

C Ahli Parlimen tidak boleh didakwa terhadap perkara yang diperkatakan dalam Parlimen.

D Ahli Parlimen boleh berbahas tentang kedaulatan raja-raja Melayu dalam sidang Parlimen.

6 Yang manakah yang benar mengenai sistem kerajaan demokrasi berparlimen di Malaysia?

I Pilihan raya boleh diawalkan dari tempoh yang ditetapkan, iaitu lima tahun.

II Pilihan raya peringkat persekutuan dilaksanakan apabila Parlimen dibubarkan.

III Pilihan raya perlu diadakan selepas Perdana Menteri membubarkan Parlimen.

IV Pilihan raya perlu diadakan dalam tempoh 30 hari selepas Parlimen dibubarkan.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

7 Kekosongan kerusi Dewan Rakyat berlaku apabila Ahli Parlimen kawasan tersebut

A diisytiharkan muflis dan belum dilepaskan

B didakwa di mahkamah atas kesalahan membunuh

C dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan

D didapati gagal mengisytiharkan jumlah harta yang dimilikinya kepada Speaker Dewan

8 Budaya berteraskan perkhidmatan pelanggan dalam sektor awam dapat diterapkan melalui

I latihan kemahiran secara berterusan

II perkongsian maklumat dan pengetahuan

III pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang

IV pelantikan penjawat awam yang berkelulusan tinggi

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

9 Dasar tiada pemberian hadiah (*no gift policy*) yang diamalkan oleh syarikat kepentingan kerajaan ialah satu amalan tadbir urus baik yang berkaitan dengan prinsip

A mengutamakan pelanggan

B berkesan (efektif)

C integriti

D telus

10

Teguran: Pemeriksaan rekod penyata kewangan tahunan agensi *X* didapati tidak mematuhi prosedur pembayaran dan terdapat amalan ketidakcekapan dalam pengurusan kewangan.

Yang manakah agensi yang mengeluarkan teguran di atas?

A Jabatan Audit Negara

B Jabatan Akauntan Negara

C Jawatankuasa Akaun Awam

D Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

11 Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan dilakukan setelah mendapat kelulusan

A Sultan

B Ketua Kerajaan Negeri

C Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

D Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

12 Pihak berkuasa yang manakah yang bertanggungjawab dalam menangani isu pemerdagangan manusia?

A Kawalan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah

B Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

C Agensi Keselamatan Sempadan

D Majlis Keselamatan Negara

13

- Menyelaras tanggungjawab pentadbiran negeri mengikut portfolio
- Meluluskan peruntukan geran pelancaran kepada Pihak Berkuasa Tempatan

Pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan perkara di atas ialah

A Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

B Unit Perancangan Ekonomi Negeri

C Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

D Pejabat Kewangan Negeri

14 Yang manakah kesan pengamalan tadbir urus baik sektor awam?

A Menarik kedatangan pelabur-pelabur dari luar

B Meningkatkan imej perkhidmatan awam

C Mencapai misi nasional yang ditetapkan

D Merancakkan pembangunan negara

15 Bidang pekerjaan yang manakah yang menghadapi cabaran besar dalam meningkatkan keyakinan awam terhadap tadbir urus baik?

A Kesihatan

B Pendidikan

C Penguatkuasaan

D Pemungutan cukai dan hasil

Bahagian B [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

16 Nyatakan **empat** perkara dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memelihara hak rakyat sebagai warga sivil. [4]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

(*d*) .....

17 Kemukakan **empat** keadaan yang menyebabkan seseorang hilang kelayakan untuk menjadi ahli mana-mana Majlis Parlimen. [4]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

(*d*) .....

18 Nyatakan **empat** kuasa kerajaan negeri ke atas Pihak Berkuasa Tempatan. [4]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

(*d*) .....

19 Nyatakan **tiga** sebab penjawat awam dilarang daripada menerima atau memberikan hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas awam. [3]

(*a*) .....

(*b*) .....

(*c*) .....

Bahagian C [50 *markah*]

Pilih **dua** *daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

20 Demonstrasi bukanlah satu-satunya cara untuk menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan rakyat kepada pihak berkuasa. Huraikan. [25]

21 Perpaduan adalah penting untuk keharmonian dan kestabilan negara. Pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk mengukuhkannya. Jelaskan. [25]

22 Teknologi digital yang berkembang pesat pada masa ini memberikan kesan kepada sistem politik sesebuah negara. Jelaskan. [25]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar